

11/10/2002

Ikut budaya kerja rakyat Korea: PM

Kadir Dikoh

PETALING JAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan rakyat supaya mencontohi budaya dan etika kerja masyarakat Korea yang rajin, berdisiplin dan begitu patriotik.

Perdana Menteri berkata, Korea berjaya membebaskan diri daripada belunggu kegawatan ekonomi 1997/98 dan kembali pesat membangun kerana rakyatnya mengamalkan sikap positif itu.

"Dulu orang Korea kerap ke Malaysia untuk belajar bagaimana membangunkan ekonomi dengan baik tetapi kini pencapaian mereka jauh lebih baik. Mereka berdisiplin dan bekerja kuat," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis dialog selepas merasmikan seminar kebangsaan bertajuk 'Belajar dari Korea: Mengekalkan pertumbuhan dalam persekitaran Dinamik' anjuran Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, budaya kerja Barat yang lebih bersifat konfrontasi di antara pekerja dan majikan, akhirnya tidak memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak yang masing-masing mahu menunjukkan kekuatan.

"Orang kata saya anti-Barat, saya bukan. Tetapi pendekatan serta budaya kerja yang diamalkan mereka, tidak baik. Orang Korea pula walaupun kadangkala berlaku rusuhan, mereka tetap kuat bekerja," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata, wujud perubahan dalam budaya kerja masyarakat Jepun sekarang dan mereka cuba mengubah kepada gaya hidup Barat sehingga golongan belia mewarnakan rambut perang.

Katanya, orang Jepun tidak boleh menukar budaya dengan drastik dan mahu mengguna pakai budaya Barat.

Beliau berkata, sebaliknya orang Korea tidak berbuat demikian dan semangat patriotik rakyatnya begitu tebal sehingga berusaha sedaya upaya untuk memulihkan ekonomi walaupun terpaksa meminjam daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Katanya, budaya kerja yang betul itu menyelesaikan banyak masalah dan bagi orang Korea, mereka mahu menunjukkan negara itu boleh bangkit semula daripada kegawatan ekonomi.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata Malaysia boleh mencontohi kejayaan Korea dalam menembusi pasaran antarabangsa.

Beliau berkata, Korea negara perdagangan ke-11 terbesar di dunia, berjaya mencipta jenama yang diterima dunia seperti LG dan Samsung dalam barangan elektrik serta elektronik manakala Hyundai dan Kia adalah kereta popular di Amerika Syarikat serta Eropah.

"Korea muncul sebagai pengeluar automotif kelima terbesar di dunia daripada kedudukan ke-10, sedekad lalu. Tetapi pencapaian Korea bukan saja dalam bidang ekonomi. Ia berjaya menganjurkan Sukan Olimpik pada 1988 dan baru-baru ini sebagai penganjur bersama bola sepak Piala Dunia.

"Amat nyata, banyak faktor menjadikan Korea pada kedudukannya sekarang. Jadi, tanggungjawab utama kita sekarang ialah untuk mengetahui apa faktor ini, mengkaji bagaimana ia dimajukan dan bagaimana ia berfungsi dan akhirnya, apa yang boleh dipelajari Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, cabaran lebih penting untuk Malaysia ialah bagaimana untuk menterjemahkan perkara yang dipelajari itu ke dalam dasar dan strategi supaya pengalaman Korea dapat dilaksanakan di negara ini.

Pada sidang akhbar kemudian, beliau yang diminta mengulas lanjut mengenai pertanyaan peserta pada majlis dialog bahawa dasar pendidikan negara sering berubah, berkata perubahan itu bagi memenuhi keperluan

semasa.

"Tetapi yang paling penting bukan perubahan. Tak kira bagaimana sistem pendidikan dibuat, jika kita belajar kuat, kita akan berjaya. Jika anda tidak belajar, sistem pendidikan yang terbaik sekalipun, tidak membantu," katanya.